

07 SEP 2003

Mahathir-PAS

PAS TIDAK MAHU M'SIA DIIKTIRAF NEGARA ISLAM MAJU - DR MAHATHIR

JITRA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata PAS tidak mahu melihat Malaysia yang diiktiraf dunia luar sebagai negara Islam, menjadi maju dan disebabkan itu ia sanggup menghasut pelajar di universiti supaya jangan belajar sebaliknya berjuang untuk parti itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar khususnya di universiti supaya memberi tumpuan kepada pelajaran dan tidak terpengaruh dengan dakwah PAS kerana mereka (pelajar) menggunakan wang rakyat.

"Bagi pelajar yang tidak mahu belajar kerana lebih tertarik kepada politik, kita akan tarik balik biasiswa sekiranya pelajaran tidak cemerlang. Mereka ini khianati janji untuk belajar," katanya pada majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Undangan Negeri Jitra di Sekolah Kebangsaan Sri Banai, Wang Tepus dekat sini.

Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Beliau berkata kerajaan berpegang kepada ajaran Islam sebenar dengan membina sekolah sebaliknya PAS membina pondok demi kepentingan politik mereka di samping mahukan pemikiran orang yang memasuki pondok itu kekal kolot.

Dr Mahathir berkata PAS sentiasa mahukan orang lain menjadi bodoh supaya senang untuk parti itu menipu dan ia sentiasa mahukan negara mundur agar mudah menyebarkan dakwah mereka.

"Jika kita tidak ada ilmu, kita akan jadi bodoh dan sesiapa pun boleh tipu kita. Orang PAS adalah penipu terbesar," katanya.

Perdana Menteri juga berkata untuk menjadi bangsa maju, masyarakat di negara ini perlu menukar cara hidup kepada yang lebih sihat dengan mengamalkan kebersihan alam sekeliling.

Beliau berkata Malaysia ketika ini sudah menjadi besar dengan jumlah penduduk hampir 25 juta orang dan mempunyai kemudahan seperti di negara-negara maju, malangnya masyarakat masih mengharapkan kerajaan mengutip sampah dengan membuang sampah di sepanjang jalan.

"Perbuatan membuang sampah ini bukan sahaja mencemar alam sekeliling bahkan ia boleh membawa penyakit," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat harus merasa bangga dengan kebersihan alam sekeliling dan meminta mereka mencontohi negara Jepun dalam aspek menjaga kebersihan.

"Rakyat Jepun mengajar anak mereka menjaga kebersihan dengan meminta melipat kertas kepada bentuk lebih kecil sebelum memasukkan ke dalam kocek seluar dan dibuang ke dalam tong sampah," katanya.

Masyarakat Malaysia patut mengamalkan kebersihan serupa dan tidak membuang sampah, bekas minuman kertas dan plastik, di sepanjang jalan dan mengharapkan pihak kerajaan mengutipnya.

Kerajaan tidak mampu menyediakan seseorang yang akan mengikut orang tertentu di sepanjang jalan bagi tujuan mengutip sampah yang dibuang, katanya.

Perdana Menteri berkata selain ibu bapa berperanan mendidik anak-anak menjaga kebersihan, para guru juga mesti bertindak serupa dan mendidik pelajar menjadi manusia mulia yang membawa kehormatan kepada bangsa, agama dan negara.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada pelajar cemerlang daripada sekolah-sekolah kebangsaan, anak yatim dan warga tua dalam parlimen Kubang Pasu.

-- BERNAMA

MAN MZM RON